



02 APR, 2026

85 peratus isi rumah tak terjejas

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pelaksanaan Insentif Cekap Tenaga

85 peratus isi rumah tidak terjejas

Suruhanjaya Tenaga (ST) menjelaskan, kira-kira 85 peratus isi rumah domestik dijangka tidak mengalami kesan besar dalam bil elektrik kesan Insentif Cekap Tenaga yang diamalkan sekarang, meskipun berlaku perubahan kepada harga gas asli dan arang batu global susulan krisis di Asia Barat. Kira-kira 80 peratus kos penjanaan elektrik negara masih bergantung kepada gas asli domestik sekali gus dilindungi daripada pasaran tenaga global yang kini terjejas.

Oleh Rafidah Mat Ruzki → Nasional 3





02 APR, 2026

85 peratus isi rumah tak terjejas



Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

85 peratus isi rumah tak terjejas

Pengguna dinasihatkan jimatkan penggunaan elektrik

Oleh Rafidah Mat Ruzki

Putrajaya: Kira-kira 85 peratus isi rumah domestik dijangka tidak mengalami kesan besar dalam bil elektrik kediaman masing-masing, meskipun berlaku perubahan kepada harga gas asli dan arang batu global susulan krisis di Asia Barat.

Bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga (ST), Siti Safinah Salleh, berkata Malaysia perlu bersedia berdepan kenaikan kos bahan api untuk menjana elektrik susulan situasi geopolitik ketika ini.

Bellau berkata, ketika ini, kira-kira 80 peratus daripada kos gas asli untuk penjanaan elektrik negara masih lagi ditetapkan atau diikat kepada gas asli domestik, manakala 20 peratus lagi diimport yang mendedahkan negara kepada harga pasaran dunia.

Justeru, katanya, kos gas asli itu dilindungi daripada pasaran tenaga global yang kini terjejas akibat krisis di Asia Barat.

Pada masa ini, katanya, konsep Insentif Cekap Tenaga yang diumumkan sekarang untuk pengguna kediaman akan kekal pada skala pengurangan bagi penggunaan sehingga 1,000 kilowatt jam

dan kekal neutral bagi penggunaan sehingga 600 kilowatt jam.

"Ini bermakna 85 peratus pengguna domestik atau isi rumah akan kekal pada tahap yang agak stabil atau neutral dari segi kesan terhadap bil elektrik mereka," katanya pada sidang media berkaitan Semakan Kawal Selia Tahunan Suruhanjaya Tenaga (ST), di sini, semalam.

Pelarasan kadar berkala

Siti Safinah berkata, harga gas asli dan arang batu adalah terikat kepada indeks pasaran tenaga yang pada masa ini berada di bawah tekanan akibat gangguan bekalan global berpunca daripada perkembangan dan krisis berterusan di Asia Barat.

"Bagaimanapun, pelarasan kadar tarif tenaga elektrik dan gas akan dibuat secara berkala berdasarkan kos untuk membekalkan bahan api tersebut," katanya.

Bellau berkata, pengguna dinasihatkan supaya menjimatkan elektrik, walaupun ST menjangka peningkatan penggunaan berikutan cuaca panas melanda negara pada masa ini, khususnya dalam penggunaan pendingin hawa.

"Negara sedang menuju ke arah iklim lebih panas, ini bermakna permintaan akan mula meningkat dan lazimnya perkara itu akan berlaku, kita menjangkakan pada Mei.

"Berikutan cuaca panas dalam Mei, terutama di kediaman, pendingin hawa akan lebih kerap dipasang.

"Ini akan meningkatkan tekanan jika ia mulai menggunakan banyak tenaga. Oleh itu, ini ada-

lah perkara yang kita perlu pastikan orang awam menyedari mengenainya," katanya.

Selain itu, katanya, pengguna disarankan membeli barangan elektrik yang lebih cekap tenaga serta menyemak semula penggunaan tenaga di rumah masing-masing bagi memastikan mereka tidak terkesan dengan kenaikan kos apabila ia berlaku.

Bellau berkata, seperti yang berlaku dalam situasi krisis sebelum ini, terutama perang Ukraine-Russia pada 2022, semua pihak beralih kepada penggunaan arang batu, sekali gus melonjakkan harga bahan api berkenaan.

"ST sudah mula melihat harga arang batu semakin meningkat. Tiada peningkatan mendadak, tetapi ia mulai meningkat.

"Seperti yang diketahui, kita 100 peratus mengimport arang batu untuk penjanaan tenaga.

"Walaupun memang ada beberapa langkah perlindungan, kita tetap perlu bersedia menghadapi peningkatan kos bahan api," katanya.

Malaysia memperoleh kira-kira 65 peratus bekalan arang batu dari Indonesia, kira-kira 20 peratus dari Australia, manakala lebihannya dari pelbagai negara lain.

Berikutan itu, ST menjangkakan pelarasan bahan api akan mula berlaku dalam masa terdekat, sebaik sahaja kos itu mula memasuki sistem.

Siti Safinah berkata, peningkatan kos bahan api dijangka mula diterjemahkan ke dalam sistem tenaga melalui mekanisme Automatic Fuel Adjustment (AFA).



Siti Safinah dan Timbalannya, Roslee Esman pada sidang media di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

MEKANISME PELARASAN KOS BAHAN API SECARA AUTOMATIK (AFA)

AFA akan tertera setiap bulan dalam bil elektrik anda sekiranya terdapat perubahan pada harga pasaran bahan api dan kadar pertukaran mata wang asing. Pengisytiharan kadar AFA (dalam unit sen/kWj) adalah berdasarkan pengesahan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) atau pemakluman rasmi melalui keputusan menteri.

Kadar AFA		
1-31 Mac 2026		1-30 April 2026
-RM2.15/kWj		-RM0.47/kWj
Unjuran 3 bulan kadar AFA		
1-31 Mei 2026	1-30 Jun 2026	1-31 Julai 2026
-RM0.39/kWj	-RM0.91/kWj	+RM0.08/kWj

- Nota:**
- i: Unjuran kadar AFA untuk 3 bulan merupakan anggaran bagi membantu pelanggan menguruskan penggunaan elektrik dan bajet dengan lebih baik.
 - ii: Untuk maklumat terperinci mengenai komponen yang mempengaruhi kadar AFA semasa, sila layari laman web Single Buyer di <https://www.singlebuyer.com.my/Generation-Info-Tariff/generation-tariff>
 - iii: Bagi pelanggan domestik yang menggunakan 600kWj dan ke bawah sebulan, mereka akan terus menikmati pengecualian daripada AFA, Caj Peruncitan dan SST 8 peratus, manakala mereka yang menggunakan 300kWj dan ke bawah sebulan turut dikecualikan daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTTBB).

Infografik BH